KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (PENDIDIKAN TINGGI)

www.moe.gov.my

PPPM (PT) suntik keseimbangan graduan

» Lahir pelajar lebih berdikari, berfikiran kreatif di luar kotak

Oleh Ziauddin Sharuddin
zia@bh.com.my

Bandar Baru Nilai

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), PPPM (PT), mengukuhkan nilai, etika dan kerohanian bagi melahirkan graduan yang seimbang.

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Datuk Dr Musa Ahmad, berkata keseimbangan itu akan menghasilkan graduan yang holistik serta serba boleh selaras dengan Anjakan 1 pelan berkenaan.

Graduan yang seimbang akan ada unsur kemahiran, pemasaran diri dan berkebolehan yang wujud dalam kalangan mereka yang mampu mencipta pekerjaan berbanding pencari pekerjaan.

"Pelan itu sangat penting, terutama apabila kita melihat Lonjakan 1 iaitu melahirkan graduan holistik bercirikan keusahawanan dan seimbang," katanya.

Beliau berkata ia sekali gus menolak dilema "pendidikan tanpa roh" yang akan menyaksikan hasil yang memudaratkan serta sukar diperbaiki jika sudah berlarutan.

Kesinambungan PSPTN

"Mungkin dalam konteks USIM yang mana pelajar adalah dari aliran agama, agak mudah untuk kita bentuk mereka. Bagaimanapun universiti yang mempunyai ramai pelajar bukan Islam boleh memberi penekanan terhadap aspek seperti etika dan kerohanian," katanya.

Dr Musa berkata, PPPM (PT) adalah kesinambungan dari Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) sebelum ini.

"Asasnya sudah ada dan kehadiran PPPM (PT) menjadikan usaha yang dilakukan sebelum ini memberi impak yang lebih hebat kepada graduan yang dihasilkan," katanya.

Katanya, kerajaan menyedari realiti itu dan memperkenalkan PPPM (PT) yang menepati falsafah pendidikan di USIM yang mengintegrasikan ilmu naqli (wahyu) dan aqli (rasional).

Katanya, PPPM (PT) juga penting supaya semua universiti bergerak serentak untuk mencapai matlamat yang ditetapkan, sekali gus mewujudkan kesan sinergi yang besar dan pantas.

Graduan perlu jadi pencipta kerja

Berhubung aspek keusahawanan dalam Lonjakan 1 pelan itu, katanya perubahan zaman menyebabkan graduan perlu menjadi pencipta kerja dan bukan lagi pencari kerja.

Mengambil pengalaman USIM, katanya universiti itu sejak sedekad lalu demi memenuhi falsafah mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli, mewajibkan pelajar menyertai kegiatan kokurikulum dengan setiap graduan mempunyai dua transkrip, iaitu akademik dan kokurikulum.